



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENJADUALAN SEMULA PEPERIKSAAN BAWAH KENDALIAN KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
DISEBABKAN PENULARAN JANGKITAN COVID-19**

Berikutan perlanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjadualkan semula peperiksaan bawah kendalian KPM. Penjadualan semula dibuat setelah meneliti keadaan semasa dan memastikan semua kurikulum mata pelajaran tersebut dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

Berikut adalah tarikh peperiksaan yang telah dijadualkan semula:

Bil	Peperiksaan	Tarikh Asal	Pindaan Tarikh
1.	Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) Kolej Matrikulasi Sesi 2019/2020	30 Mac hingga 6 April 2020	27 April hingga 4 Mei 2020
2.	Ujian Bertulis MUET Sesi 1/2020	28 Mac 2020	5 Sept. 2020
3.	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)	4 Mei hingga 11 Mei 2020	3 Jun hingga 12 Jun 2020
4.	Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM)	4 April hingga 6 April 2020	27 April hingga 30 April 2020
5.	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)	4 Mei hingga 21 Mei 2020	3 Jun hingga 18 Jun 2020
6.	Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP)	4 Mei hingga 21 Mei 2020	3 Jun hingga 18 Jun 2020
7.	Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa (UPBA)	22 Jun 2020	Kekal
8.	Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) - Lisan	2 Jun hingga 30 Jun 2020	Kekal
9.	Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) - Bertulis	23 Jun hingga 25 Jun 2020	Kekal

Bil	Peperiksaan	Tarikh Asal	Pindaan Tarikh
10.	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)	1, 2, 3, 7 dan 8 Sept. 2020	Kekal
11.	Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) - Pentaksiran Pusat	28 Sept. hingga 6 Okt. 2020	28 Sept. hingga 29 Sept. 2020 (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)
12.	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) - Bertulis	21, 22, 26 hingga 28 Oktober 2020	Kekal
13.	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) - Bertulis	Fasa 1 5 Okt. hingga 14 Okt. 2020	16 Nov. hingga 7 Dis. 2020
		Fasa 2 2 Nov. hingga 19 Nov. 2020	
14.	Sijil Vokasional Malaysia (SVM) -Bahasa Melayu 1104 dan Sejarah 1251	2 Nov. dan 3 Nov. 2020	16 Nov. dan 25 Nov. 2020
15.	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) - Semester 2 *	6,12,13 dan 14 Mei 2020	18,19, 23 dan 24 Nov. 2020
16.	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) - Ulangan 1	18,19, 23 dan 24 Nov. 2020	25, 26, 30 Nov. dan 1 Dis. 2020
17.	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) - Semester 3	3, 4, 5, 9 dan 10 Nov. 2020	Kekal
18.	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) - Ulangan 2 **	25, 26, 30 Nov. dan 1 Dis. 2020	15 hingga 18 Mac 2021

* Peperiksaan STPM Semester 2 dianjak dari bulan Mei ke bulan November untuk memberi peluang sekolah menguruskan sukatan Semester 2 yang tertinggal.

** Peperiksaan STPM Ulangan Semester 2 dianjak ke bulan Mac 2021.

Sebarang pindaan jadual akan dimaklumkan oleh KPM.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi **Pusat Panggilan COVID-19 KPM** di talian 03-8884 9383/ 8884 9325/ 8884 9401 dan 8888 6749.

Kementerian Pendidikan Malaysia
28 Mac 2020